

13 • Perpustakaan



PERPUSTAKAAN TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra (PTSFP) telah mencapai usia ke-15 tahun penubuhannya pada tahun 2017. Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin (PTSPF) sentiasa melaksanakan penambahbaikan berterusan untuk meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengalaman pengguna di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Pelbagai inisiatif dirancang untuk memberi nilai tambah kepada suntikan kemudahan terkini, sumber maklumat yang relevan kepada warga universiti.


Pengurusan Kewangan

Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra (PTSFP) meletakkan pembangunan koleksi sumber maklumat sebagai strategi utama di dalam pelan strategi perpustakaan bagi memastikan keperluan aktiviti pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dipenuhi.

Sekitar 80% hingga 90% peruntukan tahunan dikhaskan untuk tujuan pemerksaan sumber maklumat. Pengukuran nilai pulangan ke atas pelaburan (*Return of Investment - ROI*) turut dijalankan untuk memastikan sumber maklumat yang dilanggan dimaanfaatkan secara optima oleh warga UniMAP.

Pada masa sama, Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin (PTSPF) turut merangka pelan untuk meningkatkan ruang pembelajaran yang kondusif dan fleksibel kepada warga universiti Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Carta 1 menunjukkan peningkatan perbelanjaan ke atas sumber maklumat daripada 89.6% pada tahun 2016 kepada 90.19% (2017). Fokus Perpustakaan dalam senario kewangan semasa ialah ke arah pulangan nilai optima. Ini dilaksanakan melalui pemantauan berterusan ke atas penilaian prestasi penggunaan sumber maklumat menggunakan pendekatan ISO 11620:2014 (*Information and documentation - Library performance indicators*). Peningkatan perbelanjaan ke atas sumber dipengaruhi oleh faktor peningkatan kos langganan kepada sumber elektronik.




Carta 1 : Carta Perbandingan Peruntukan Jabatan Perpustakaan dan Peruntukan Pemerksaan Sumber Maklumat Bagi Tahun 2016 & 2017

Tajaan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Sejak tahun 2014, dua puluh (20) Perpustakaan Universiti Awam telah memanfaatkan tajaan beberapa pangkalan data komersial dari Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT).

Majlis Ketua Pustakawan (MKP) dan *Malaysia Online Electronic Resource Consortium* (MOLEC) bertanggungjawab menyalurkan justifikasi kepada Pusat Sitasi Malaysia untuk melanggan kepada pangkalan data relevan kepada komuniti pendidikan tinggi. Ini untuk memastikan kadar penggunaan yang optimum.

Pangkalan data tajaan KPT meliputi *ProQuest Dissertation & Theses*, *Scopus*, *WorldCat Discovery Service*, *Ebscohost Academic Search Premier* dan *Ebscohost Business Source Complete* merupakan sumber maklumat ilmiah penting kepada warga pendidikan tinggi di universiti awam.

Tajaan KPT telah banyak membantu universiti awam khususnya Universiti Malaysia Perlis untuk meneruskan penyaluran maklumat akademik. Rajah 1 menunjukkan pangkalan-pangkalan data komersial terpilih tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi tahun 2017.



Rajah 1: Pangkalan Data Komersial Terpilih Tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2017

Pemeriksaan Sumber Maklumat

Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra memfokus kepada inisiatif mengumpul, mengembang, memelihara dan menyediakan akses kepada maklumat ilmiah dalam bidang pengajian dan penyelidikan yang ditawarkan oleh UniMAP. Ini meliputi bahan penerbitan dan penulisan warga UniMAP seperti artikel jurnal, makalah, kertas kerja persidangan, buku, laporan, pembentangan, ulasan, tesis, laporan projek tahun akhir dan pelbagai lagi. Bahan-bahan ini boleh diakses secara atas talian melalui Sistem Repositori Digital UniMAP - <http://dspace.unimap.edu.my>.

Sehingga Disember 2017, Perpustakaan telah menyediakan akses kepada 55,441 objek digital sama ada secara terhad atau akses terbuka.

Perpustakaan juga memberi tumpuan kepada usaha menyebarkan koleksi ilmiah global melalui langganan kepada sumber elektronik yang diterbitkan oleh penerbit komersial, penerbit institusi profesional ataupun penerbit Universiti. Sepanjang tahun 2017, peningkatan kos langganan sumber elektronik merencatkan usaha-usaha meneruskan langganan kepada sumber penting di universiti. Walau bagaimanapun, penerusan langganan kepada sumber elektronik telah menyediakan akses kepada 2,340,773 judul bahan monograf dalam format elektronik. Warga UniMAP juga menikmati akses kepada jutaan teks penuh artikel daripada 14,514 judul jurnal dalam bidang pengajian utama di universiti.

Perolehan koleksi buku bercetak terus dilaksanakan untuk menyediakan akses kepada bahan rujukan utama program pengajian di Universiti. Senario penerbitan buku elektronik masih tertumpu kepada orientasi kandungan berasaskan penyelidikan dan bahan saintifik dan bukannya bahan teks kursus. Sehingga Disember

2017, Perpustakaan telah berjaya membangunkan 53,451 naskah bercetak yang ditempatkan di Perpustakaan Utama dan Perpustakaan Cawangan Bandar Kangar (lihat Rajah 2). Perkhidmatan *in-transit* yang ditawarkan oleh perpustakaan membolehkan para pengguna memperoleh bahan bacaan yang ditempatkan di kampus berbeza tanpa perlu mengunjungi perpustakaan berkenaan. Tempahan atas talian dibuat oleh pengguna manakala Perpustakaan mengumpul dan menghantar bahan tempahan di lokasi perpustakaan pilihan pengguna.

Selain itu, Perpustakaan turut memanfaatkan langganan kepada alatan pembelajaran dan pengurusan maklumat meliputi perisian *Turnitin*, *Wizfolio*, *Mendeley*, *LibGuides*, *LibCal*, *Connexion* dan sebagainya.



KOLEKSI PERPUSTAKAAN 2017


Rajah 2: Perkembangan Koleksi Perpustakaan 2017

Sebagai perpustakaan hibrid, Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra (PTSFP) menawarkan koleksi konvensional dan koleksi sumber maklumat elektronik kepada pengguna. Akses kepada *OCLC WorldShare Inter-Library Loan*, perluaskan akses kepada perkhidmatan pembekalan dokumen dari institusi penyelidikan dan pendidikan tinggi seluruh dunia. Inisiatif penawaran sumber elektronik global daripada penerbit komersial turut menjadi agenda penting Perpustakaan. Peratusan besar kandungan ilmiah digital ditawarkan kepada pengguna berbanding koleksi konvensional. Sehingga Disember 2017, jumlah keseluruhan koleksi adalah sebanyak 2,474,110 bahan iaitu 9.57% (216,191 bahan) kenaikan berbanding tahun sebelumnya.

Akses Kepada Sumber Maklumat

Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra sentiasa beriltizam memastikan pelaburan ke atas perolehan dan langganan sumber ilmiah dimanfaatkan sepenuhnya oleh warga Universiti. Pemantauan dijalankan melalui kaedah pengukuran prestasi yang ditetapkan oleh ISO 2789:2013 (*Information and Documentation: International Library Statistics*).


Semenjak tahun 2012, bilangan transaksi pinjaman dan pembaharuan pinjaman menurun secara signifikan daripada 30,667 transaksi kepada 9,757 transaksi pada tahun 2017. Statistik transaksi pinjaman dan pembaharuan pinjaman mencatatkan penurunan sebanyak 68.18% berbanding tahun sebelumnya. Ia merupakan senario global yang dialami oleh perpustakaan akademik seluruh dunia terutama dengan pemerksaan sumber ilmiah dalam format elektronik. Menurut Rainie, L. (2012) di dalam penerbitan berjudul *E-Book Reading Jumps, Print Book Reading Declines*, trend penurunan ini disebabkan oleh beberapa faktor termasuk umur, fleksibiliti sumber, kapasiti dan keupayaan memiliki gadget seperti *iPad*, *Kindle*, *Smartphones*, *Nooks* dan sebagainya.



Carta 2: Transaksi Pinjaman & Pembaharuan Pinjaman (2012 - 2017)

Akses Kepada Sumber Maklumat Elektronik

Sumber elektronik menyumbang komposisi terbesar (95%) daripada keseluruhan sumber ilmiah di Universiti Malaysia Perlis. Perkembangan sumber elektronik di UniMAP dipengaruhi oleh pelaksanaan konsep kampus teragih di awal pelaksanaannya. Sehingga kini, keupayaan akses kepada sumber secara jarak jauh (*remote access*) membenarkan sumber elektronik dimanfaatkan secara berkesan oleh pengguna yang berada di luar dan di dalam rangkaian kampus UniMAP.



Carta 3: Transaksi Muat Turun Teks Penuh (2012 - 2017)

Pada tahun 2017, usaha-usaha mengekalkan langganan kepada sumber penting dilaksanakan dalam situasi kewangan yang tidak memihak kepada perpustakaan. Peningkatan kos langganan tahunan ditambah dengan kadar pertukaran mata wang yang agak tinggi berbanding tahun 2016 menyumbang kepada kekangan ini. Walau bagaimanapun, hanya empat (4) pangkalan data terkesan dan dibatalkan langganan pada tahun 2017 meliputi *Britannica Online*, *Oxford Reference Online* dan *EngNetBASE*. Sumber elektronik berkenaan menyediakan akses kepada 4,300 judul bahan dalam format ensiklopedia, buku dan artikel jurnal terpilih.

Sepanjang tahun 2017, warga UniMAP telah memanfaatkan sumber elektronik dengan memuat turun sejumlah 1,219,872 teks penuh (lihat Carta 3). Ini meliputi muat turun daripada pangkalan data komersial dan sumber elektronik tempatan yang ditawarkan akses melalui repositori institusi, sistem rangkaian dalaman - *Fingertips* dan sistem e-buku dalaman (*CRC Online*).

Akses Kepada Kemudahan

Kepelbagaian kemudahan yang ditawarkan oleh Perpustakaan UniMAP adalah berasaskan hasrat menyediakan pengalaman pembelajaran yang bermakna kepada para pelajar khususnya dan warga UniMAP umumnya. Kemudahan ini meliputi pelbagai stail pembelajaran sama ada secara individu, kumpulan atau untuk pembentangan projek. Sepanjang tahun 2017, sejumlah 9,886 sesi tempahan kemudahan telah direkodkan melalui modul pengurusan inventori Virtua.



Penerbitan Terindeks


Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengiktiraf kepentingan Scopus sebagai sumber pangkalan data sitasi dan penerbitan berimpak semenjak tahun 2008.

Data Scopus dimanfaatkan oleh pengukuran prestasi universiti melalui inisiatif *Mymohes*, *Malaysian Research Assessment (MyRA)*, *Times Higher Education Rankings (THE)*, *QS World University Rankings* dan sebagainya.

Data Scopus turut digunakan untuk tujuan penilaian aktiviti penarafan dan pemeringkatan pada peringkat kementerian, negara dan antarabangsa. Menyedari kepentingan langganan kepada Scopus, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Pusat Sitasi Malaysia telah menaja pangkalan data Scopus secara berpusat di bawah Kementerian. Penyaluran akses percuma telah dipanjangkan kepada dua puluh (20) universiti awam.

Akses kepada data Scopus pada tahun 2017 menunjukkan bilangan data terindeks telah meningkat sebanyak 68.01% iaitu peningkatan 1,697 artikel. Berdasarkan data semasa, UniMAP berada pada kedudukan ke - 7 terbaik dalam kalangan Universiti Awam di Malaysia oleh Scimago Institutions Rankings.

Carta 4 menunjukkan jumlah penerbitan terindeks UniMAP dari tahun 2003 hingga 2017 berjumlah 7,663 artikel.



Carta 4 : Penerbitan Terindeks UniMAP dari Tahun 2003 hingga 2017

